

NEWSPAPER CLIPPING

NEWS TODAY

DATE	NEWSPAPER	COLUMN	PAGE NO
27 OCT 2010 WEDNESDAY	KOSMO	NEGARA	14

PBSB rai ulang tahun ke-25

PERAI - Penang Bridge Sdn. Bhd. (PBSB), syarikat konsesi yang mengendalikan Jambatan Pulau Pinang bakal meraikan sambutan ulang tahun ke-25 kewujudan ikon Pulau Mutiara itu.

Bersempena sambutan bermula 1 November ini, PBSB akan melancarkan kempen promosi dan peraduan yang bermatlamat untuk menghargai para pengguna yang setia menggunakan jambatan tersebut selama ini.

Malah peraduan itu juga bagi meraikan semangat perpaduan antara kaum dan sumbangan Jambatan Pulau Pinang sebagai ikon kepada pertumbuhan ekonomi negeri dan juga negara ini.

PBSB dalam satu kenyataan semalam berkata, pihaknya mempelawa orang ramai untuk mengambil bahagian dalam kempen dan peraduan tersebut selain berpeluang memenangi pelbagai hadiah lumayan yang disediakan.

"Kempen yang bertemakan *Penang Bridge, Our Brigde* ini akan turut disiarkan selama dua minggu menerusi saluran radio *FlyFM*.

"Peraduannya mudah dan menawarkan pelbagai hadiah eksklusif termasuk kad Touch 'n Go Edisi Khas Ulang Tahun Ke-25, SmartTAG dan wang tunai," jelas kenyataan itu.

Untuk keterangan lanjut, orang ramai boleh melayari www.penangbridge.com.my mulai 1 November ini atau menghubungi talian 1300-1300-03.